



**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
KENYATAAN MEDIA**

**SEMAKAN KEPADA TATACARA PERMOHONAN PENGAMBILAN PEKERJA  
WARGA ASING**

1. Kementerian Sumber Manusia ingin memaklumkan bahawa **permohonan untuk pengambilan pekerja warga asing akan diberhentikan buat sementara waktu untuk tempoh mulai 15 Ogos hingga 31 Ogos 2022.** Namun begitu **semua permohonan yang dikemukakan oleh majikan sebelum atau pada 14 Ogos 2022 akan diproses dan diselesaikan sebelum atau pada 31 Ogos 2022.**
2. Pemberhentian penerimaan permohonan pekerja warga asing dalam tempoh 15 Ogos 2022 hingga 31 Ogos 2022 adalah **bagi membolehkan semakan ke atas tatacara permohonan pekerja warga asing susulan pindaan kepada Akta Kerja 1955 (Pindaan 2022) yang akan mula berkuatkuasa pada 1 September 2022.** Tatacara baru bagi permohonan pengambilan pekerja warga asing mulai 1 September 2022 akan dimaklumkan dalam masa terdekat.

**KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA  
PUTRAJAYA  
5 OGOS 2022**